

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI  
[ SIBUTI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN TEMPATAN** menyatakan apakah status pelaksanaan Projek Rumah Mesra Rakyat di Sarawak bagi Parlimen Sibuti dan berapa jumlah Rumah Mesra Rakyat yang sedang dan siap dibina pada tahun 2019 dan 2020 serta nyatakan jumlah projek RMR yang disediakan bagi tahun 2021.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) merupakan syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan kini diletakkan di bawah pengurusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang dilaksanakan oleh SPNB adalah bagi memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah (B40) untuk membina rumah di atas tanah sendiri berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, program RMR ini berkonsepkan rumah sesebuah berkeluasan 750 hingga 1,000 kaki

persegi dengan komposisi 3 bilik tidur dan 2 bilik air yang kini berharga di antara RM75,000 hingga RM106,500 yang dibiayai melalui subsidi dan geran yang disalurkan oleh Kerajaan sebanyak RM20,000 seunit.

3. Program RMR yang dilaksanakan di negeri Sarawak adalah melalui kerjasama SPNB dan Perbadanan Perumahan Sarawak (HDC). Berdasarkan statistik dari tahun 2002 sehingga 30 September 2020 di Parlimen Sibuti, sebanyak **216** permohonan telah diluluskan di mana **165** unit rumah telah siap dibina dan baki sebanyak **51 unit** adalah di dalam pelbagai peringkat proses pembinaan. Daripada keseluruhan unit yang telah disediakan tersebut, **8 unit** telah disiapkan pada tahun 2019 – 2020. Manakala **252** permohonan ditolak disebabkan tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan.

4. Bagi tahun 2021, SPNB merancang untuk melaksana lebih banyak RMR termasuk bagi 18 pemohon di dalam senarai menunggu di Parlimen Sibuti dan pelaksanaannya adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan kewangan semasa yang disalurkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.